UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

PLG 414 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia II

Masa : [2 jam]

---

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda perlu menjawab soalan 1 di Bahagian A dan 2 (DUA) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Terdapat empat aspek ketrampilan bahasa dan berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang ditekankan di dalam sukatan pelajaran Bahasa Malaysia KBSM. Aspek penerapan nilai juga telah dimasukkan ke dalam pengajaran bahasa mengikut kehendak kurikulum bersepadu ini. Terangkan apakah perlunya penerapan nilai ini dimuatkan ke dalam kurikulum melalui pendidikan bahasa Malaysia.

[40 markah]

BAHAGIAN B

2. Cloze merupakan salah satu daripada prosedur membaca yang boleh dijadikan sebagai alat pembelajaran.
Terangkan dengan lebih lanjut langkah-langkah yang harus guru bahasa laksanakan untuk melaksanakan prosedur Cloze dengan memberi contoh-contoh yang tertentu.

[30 markah]

3. Sebagai pegawai bahasa,anda dikehendaki menyampaikan ceramah kepada sekumpulan guru-guru tentang pengajaran karangan. Dalam ceramah tersebut anda dikehendaki menyentuh perkara-perkara berikut;

i. beberapa bibliografi terpilih tentang penulisan karangan
ii. perkaedahan dalam penulisan karangan
iii. mengajar dan memeriksa karangan yang berkesan

Sediakan teks ceramah tersebut.

[30 markah]

4. Objektif pengajaran bahan dan pendekatan perlu dinilai oleh guru untuk memastikan sama ada ianya sesuai dan berkesan. Sebagai ketua penilaian bahasa Malaysia, anda dikehendaki menerangkan kepada sekumpulan penolong pemeriksa tentang perkara-perkara berikut;

   i. Tiga tujuan mengapa ujian dan penilaian bahasa Malaysia diperingkat sekolah menengah.

   ii. perkara-perkara penting yang harus dikenalpasti sebelum menyediakan soalan ujian dan penilaian bahasa Malaysia.

   iii. Tiga konsep asas yang perlu dikuasai oleh penguji sebelum menubuhkan soalan ujian dan penilaian.

   Sediakan teks penerangan tersebut.

[30 markah]

5. Salah satu kelemahan yang sering ditemui semasa melakukan pengajaran bahasa di sekolah ialah murid-murid agak dingin dan hanya menerima arahan guru sahaja. Di setengah-setengah keadaan, murid langsung tidak aktif dan malu untuk berinteraksi.

   Apakah langkah-langkah yang boleh guru bahasa laksanakan untuk menghidupkan suasana pengajaran supaya murid- murid akan menjadi aktif di dalam pembelajaran mereka.

[30 markah]

oooOooo